



**KERAJAAN MALAYSIA
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)
KAMPUS WILAYAH SELATAN, KLUANG JOHOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berdaftar di **daerah Kluang** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred Kategori** dan **Pengkhususan** yang berkaitan tawaran kerja seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN
SEBUT HARGA IKWAS BIL. 4/2025	KERJA-KERJA PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN BUMBUNG DAN SALURAN TALANG AIR DI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) KAMPUS WILAYAH SELATAN TAHUN 2025	G1 KATEGORI B PENGKHUSUSAN B24 (WAJIB) DAN B15 (SEKIRANYA ADA) DAN KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21

1. **Taklimat sebut harga dan lawatan tapak** akan diadakan pada **3 JULAI 2025 (KHAMIS) JAM 2.30 petang** bertempat di **DEWAN SERI PERMATA, INTAN KAMPUS WILAYAH SELATAN, KM.3 JALAN BATU PAHAT 86000 KLUANG JOHOR**. Kehadiran adalah diwajibkan.
2. **Dokumen sebut harga** boleh diperolehi **selepas sesi taklimat dan lawatan tapak**. Kontraktor yang berminat perlu membawa bersama-sama **SALINAN SIJIL** daripada **CIDB** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang didaftarkan sama ada di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) atau Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) semasa mengambil dokumen sebut harga. Hanya penama dalam sijil seperti dinyatakan di atas sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Syarikat/kontraktor tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam sijil-sijil berkenaan.
3. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **UNIT KEWANGAN, PEROLEHAN, ASET DAN STOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, BLOK PENTADBIRAN INTAN KAMPUS WILAYAH SELATAN** dengan menulis nombor dan tajuk 'Sebut Harga (Kerja)' di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan dan dialamatkan kepada:-

**Pengarah Wilayah
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Selatan,
KM. 3, Jalan Batu Pahat
86000 Kluang Johor**

4. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **17 JULAI 2025 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI**. Sebut Harga yang lewat tidak akan diterima.

Tarikh Iklan : 1 Julai 2025

b.p. Pengarah Wilayah
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Kampus Wilayah Selatan

